

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Bahasa Tamil Ujian Penulisan 6534/1 mengandungi 2 Soalan:

Soalan 1

Calon dikehendaki memilih dan menjawab satu soalan daripada lima soalan yang diberikan.

Soalan 2

Calon dikehendaki memilih sama ada menjawab soalan 2(a) atau soalan 2(b).

Masa yang diperuntukkan untuk menjawab soalan-soalan ini ialah 1jam 45 minit.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhannya prestasi calon meningkat berbanding dengan tahun-tahun lepas. Tahun 2005 merupakan tahun kedua calon menjawab soalan format baru. Calon dapat menjawab soalan dengan baik dan membuktikan kemampuan mereka menguasai Bahasa Tamil. Walau bagaimanapun dalam menjawab soalan masih terdapat kelemahan yang boleh diatasi oleh calon.

Calon Dalam Kumpulan Tinggi

Calon dalam kumpulan ini memahami kehendak soalan dan dapat memberikan jawapan yang tepat. Pemahaman calon terhadap kehendak soalan membolehkan mereka mengarang dengan baik dan menarik. Setiap perenggan menjelaskan isi serta huraian yang berlainan. Tidak terdapat isi atau huraian yang bertindan. Contoh-contoh yang diberikan tepat dan betul. Ramai calon menggunakan laras bahasa yang betul mengikut kehendak soalan. Sekiranya tajuk karangan berkaitan dengan bidang sains, calon menjawab dengan menggunakan perkataan-perkataan laras sains seperti di bawah.

Contoh:

Internet - பரிடக்
Komputer - கணினி

Cakera padat - கருவாட்டி
webpage - இணையத்தளம்

Laras Bahasa Sastera :

நகரம்; பல்பரிடக் ÜNŠÖTÉ«ÖÉ á; ù«ÖÉ, tY«ÖÉη PòY-èŠ «ÖKt ~èœ G-ðò
Gè>A; øÙ. ²ùÉI, GÖY~, è<, èi™ ²èÉ%tÖŠ¹, è~FKùÉ, ¹ò™èÉYÁ àù
Ü~, è~, èÉÉ «ÖKt ~èœ Gè>%η ²èÉ ² «i P¼, A; øÙ.

Majoriti calon dalam kumpulan ini menggunakan Peribahasa dan Cheyul yang telah dipelajari oleh mereka dari tingkatan satu hingga tingkatan lima. Mereka menggunakan ejaan yang betul, bentuk tulisan yang menarik dan mudah dibaca, gaya bahasa yang menarik dan mengikut hukum bahasa.

Contoh:

á; Á + பரிட%η = á; Pரிட%η
t; i° + à r ~%η = t; i° r ~%η
öÉÉ + é ² r i = öÉÉ,,é ² r i

Üöü ; P æ Üµ¼ < Ü-èðéñ á ; ðñ «ðéð èí¼æ G-ü-íé™ ÞŞİ İ» < ÜF™
ðéç < àJ-è-÷» < è ð E-ñ, ° < àðéç F™ ÜN-ñ Mİ ° ®» <.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon dalam kumpulan sederhana masih dapat mengemukakan isi yang berkaitan. Manakala huraian mereka pula kurang jelas dan tidak mantap. Penguasaan gaya bahasa masih baik dan boleh diperbaiki lagi.

Contoh:

Þðÿ-èJ™ ñ,èÁ, ° < àJ-ðéç < HðéEèÁ, ° < ðð ÿ ; -ñèæ àæ÷ü.

Walaupun ayat di atas berkaitan tetapi masih boleh diperbaiki seperti berikut:

Þðÿ-è ñ,èÁ, ° < Hð àJ- ðé>ðüðÿÁ, ° < ðð ÿ ; -ñè-÷- ÿ í¼Aðñ.

Penggunaan tatabahasa, tanda bacaan, hukum bahasa, struktur ayat juga masih boleh diperbaiki lagi.

Contoh:

àð%î 1 ð E™ «ð™ ðéç,,Cüéÿ «ðéð (Maksud: Menambahkan kepedihan hati)
âK» < àí¼ŞH™ àíç ðé-~íéÿ «ðéð (Menambahkan perasaan kemarahan)

Calon tersilap mentafsir maksud asal peribahasa seperti di atas dalam keadaan-keadaan tertentu. Kadang kala contoh yang diberikan itu tiada kaitan dengan isi. Calon dalam kumpulan ini menghasilkan karangan yang kurang mantap. Penggunaan kata hubung yang tidak berkaitan juga telah menjejaskan penjelasan huraian.

Contoh: ÿè«ð, àáü ; ðé™, àü«ð
è™MJüé™ ñññ ðððéí-í «ñ<ð-~í àí¼Aðñ. íéçàñéNJ™ àæ÷
F¼, ° ðæ, ðöàñéN ÿAð-ð Þíÿ ° àí¼A ; ðü.

Isi-isi yang dikemukakan tidak diperkukuhkan dengan contoh yang mantap atau berkaitan.

Contoh:

Þðÿ-è á ; Á àéé™ðŞð-ðñ ð...èíííææ ÿ ° <.

Ayat diatas boleh dibaiki lagi seperti di bawah ini.

Þðÿ-è á ; Á àéé™ðŞð-ðñ Mð, ñð, ç, àí¼Ş¹, èéÿÁ
á ; ð-ððé ° <.

Calon Dalam Kumpulan Lemah

Pelajar kurang memahami kehendak soalan dan juga jawapan mereka tidak tepat. Calon mengemukakan isi yang terhad serta huraian yang tidak mantap. Penguasaan bahasa yang lemah. Permulaan karangan pula tidak menarik dan tidak mempunyai kaitan dengan tajuk yang diberikan. Calon dalam kumpulan ini juga lemah dalam penggunaan nahu (ð, ÷, ö), (ü, í, ñ), (ð, ø) serta tatabahasa yang tidak tepat. Ayat-ayat tergantung dan struktur ayat yang tidak jelas dapat dilihat dalam karangan pelajar kumpulan ini. Ini menunjukkan calon kurang memahami hukum bahasa dan tidak mengikut format karangan yang betul. Tulisan calon juga kurang jelas.

Contoh: Ayat-ayat calon yang kurang jelas

1. **à í ¾ ° ñøèO™ P†L, «†É-ê, èŠøÉ~F, èÉ<øÉ~ á; Á øøø-è àœ+Ù. PøŸ-ñøø™øÉ< †ñ, ° †ÉœªñÉN, è™M øÉJøÉè ÚPø °@Aø¶.**
2. **ñè~ª†É-ñø«øC ð± ~ŠHøŠø†Ÿ° †ø,øÉø † < ñŸøø~èÁ†; ª†ÉN™ ñŸÁ< MøÉøÉø< øŸP ðø%¶ ñøøÉ«†**

PRESTASI TERPERINCI

Bahagian A

Soalan 1

- i) **PøŸ-ñè** (Alam Semulajadi)

Calon-calon dari kumpulan cemerlang

Calon-calon dari kumpulan cemerlang memilih soalan ini. Tajuk ini memerlukan laras bahasa sastera. Pelajar yang menguasai laras bahasa ini dapat menyampaikan idea dengan bernas. Pengetahuan am calon mengenai soalan ini memang sedia ada.

Calon-calon dari kumpulan sederhana

Calon-calon dari kumpulan sederhana yang memilih tajuk ini tidak dapat menghasilkan karangan yang berkualiti. Oleh sebab tajuk ini lebih mirip kepada subjektif, kebanyakan calon menumpukan pada bahagian bencana alam daripada menyentuh keseluruhan kehendak soalan.

Calon Dari Kumpulan Lemah

Calon-calon dari kumpulan lemah yang memilih soalan ini tidak dapat menjawab dengan sempurna kerana calon-calon tidak memahami kehendak soalan.

Contoh: **P,øÉø, è††~F™ PøŸ-ñè ø+~†† M¼<øÉ†ø~èœ, ªøÁŠøø~èœ ñŸÁ< H®,èÉ†ø~èœ, G-ñøø «ø~ àœ+Ù~.**

Kesalahan ejaan dan tanda bacaan yang terlalu banyak menyebabkan maksud asal berubah.

Jawapan calon juga tidak menepati format karangan seperti yang dikehendaki. Pengenalan, isi, kesimpulan dan perenggan yang tidak menepati kehendak soalan.

Soalan 2

- ii) **தேசியம், உயர்வாகியும் அது உயர்வாகியும், ஆய்வுகள், உயர்வாகியும்.**

Kehendak soalan di atas adalah menyokong kenyataan di atas. Perkataan yang dihitamkan dalam soalan mengarahkan calon-calon supaya menyokong kenyataan dalam soalan ini. Perkataan tersebut menjadi perangkap bagi soalan yang diberi.

Kumpulan Cemerlang

Calon-calon dari kumpulan cemerlang memahami kehendak soalan dan menyampaikan idea dengan bernas. Calon memahami kehendak soalan dengan jelas. Penguasaan bahasa oleh calon cemerlang menghasilkan sebuah karangan yang bermutu tinggi. Contoh unsur-unsur kebudayaan yang dikemukakan oleh calon adalah tepat. Calon-calon dapat menghuraikan peranan bahasa ibunda dalam mengekalkan kebudayaan dan kesenian.

Kumpulan Sederhana

Calon-calon daripada kumpulan ini kurang faham untuk menghuraikan unsur-unsur kebudayaan dan kesenian serta peranan bahasa ibunda dalam mengekalkan aspek tersebut. Calon sukar mengaitkan hubungan antara fungsi bahasa dan fungsi kebudayaan dan kesenian dalam mengekalkan kebudayaan dan kesenian.

Kumpulan Lemah

Calon-calon dalam kumpulan lemah yang memilih tajuk ini tidak memahami kata kunci dalam soalan. Calon diminta menyokong tajuk tetapi calon menulis secara umum jawapan yang diberi. Selain itu, isi-isi yang dikemukakan tidak padat dan tepat.

Soalan 3

- iii) **அதன்மேல் உயர்வாகியும் அது உயர்வாகியும், உயர்வாகியும் உயர்வாகியும்.**

Kumpulan Cemerlang

Calon-calon dalam kumpulan cemerlang memahami kata kunci tajuk iaitu kesan perubahan kepada manusia. Isi-isi yang dikemukakan itu menepati kehendak soalan. Hasil karangan daripada kumpulan ini mempunyai mutu yang tinggi.

Kumpulan Sederhana

Calon-calon dalam kumpulan sederhana mentafsir tajuk sebagai baik buruk penggunaan telefon bimbit. Isi-isi karangan terpesong daripada kehendak soalan.

Kumpulan Lemah

Calon-calon dalam kumpulan lemah salah tafsir tajuk soalan. Kelemahan calon dalam penguasaan bahasa merumitkan penulisan. Kesalahan nahu, struktur ayat, kesalahan-kesalahan ejaan mencacatkan penulisan mereka. Calon yang menjawab soalan ini tidak dapat menjawab dengan sempurna.

Soalan 4

- iv) **யேதும் ; «நகடுதய்யு பர+எ~எய் ய்யு «டுதடு து அஹி-ஓஷம் ஊ அ-டுதய்யு.**

Kumpulan Cemerlang

Calon-calon dalam kumpulan ini memahami tajuk dan kehendak soalan. Karangan ini disampaikan dalam format ucapan. Calon-calon boleh mengaitkan peranan belia dalam pembangunan negara. Contoh-contoh yang diberikan relevan dan terkini. Calon dalam kumpulan ini dapat menghasilkan karangan yang mempunyai gaya bahasa sempurna. Ini membantu calon menghasilkan karangan yang bermutu tinggi.

Kumpulan Sederhana

Soalan ini merangkumi tiga aspek, iaitu **pembangunan negara, peranan belia dalam format ucapan**. Calon-calon kumpulan sederhana tidak dapat mengembangkan isi-isi dalam bentuk ucapan. Mereka menulis karangan ini mirip karangan penerangan. Calon tidak akur kepada format ucapan.

Kumpulan Lemah

Calon-calon kumpulan lemah tidak memahami format soalan. Mereka menulis seperti karangan penerangan. Isi-isi yang dikemukakan adalah berkenaan dengan pembangunan negara sahaja dan mereka tidak langsung mengaitkan dengan peranan belia. Oleh sebab penguasaan bahasa yang lemah, contoh-contoh yang tidak relevan, mencatatkan mutu karangan.

Soalan 5

- v) Cerpen
தீதீ (Persahabatan)

Kumpulan Cemerlang

Calon-calon dalam kumpulan cemerlang memahami ciri-ciri penulisan cerpen. Mereka dapat menghasilkan tema, plot dan klimaks cerita yang menarik. Calon-calon yang menguasai bahasa dan laras sastera dapat menghasilkan cerpen yang bermutu tinggi.

Kumpulan Sederhana

Calon-calon dalam kumpulan sederhana cuba menggunakan ciri-ciri cerpen tetapi gagal menyampaikan cerpen yang bermutu tinggi. Ini adalah kerana calon lemah dalam pengolahan tema cerpen.

Kumpulan Lemah

Calon-calon dalam kumpulan lemah tidak menulis dalam format cerpen. Mereka tidak memahami ciri-ciri cerpen sebenar. Mereka menulis cerpen dalam bentuk karangan biografi. Terdapat juga kelemahan-kelemahan lain dalam kalangan calon kumpulan lemah seperti kelemahan bahasa, kelemahan ejaan, kelemahan perbendaharaan kata yang menyebabkan tidak dapat menghasilkan karangan yang bermutu.

Bahagian B

Soalan 2 (i)

Karangan Berpandu

Tajuk: Meminta kebenaran melawat ke Pusat Sains Negara. (Surat Rasmi)

ṭ-ōš¹: à < ðœOJ ; ÜPMð™ èðè< ṭ-ōṭèK½œ÷ «ṭCò ÜPMð™ ṭ-ñò~ṇ, °, è™M,, zÿÁðÉ á ; ṭø «ñÿªèÉœ+ ^ Fṭṭṭ ṭ~œ÷ṇ. èðè~F ; ªèððÉ+~ àÃ < ° ṭøJ™ zÿÁðÉMÿ° ÜÃñF «èÉK Ü< ṭ-ñò~ṇ, ° á% èṖṭ< à¿ṇè.

W«ö ªèÉ~ ,èšðṭ~œ÷ ° Pš¹è-÷ š ðò ; ð~F àñṇ èṖ~ṭ-ṭ~ ṭðÉ~ ªèÉè

- zÿÁðÉ ṭ-ṭªðÁ < «ṭF, «ṭó < ñÿÁ < Að-ñ
- zÿÁðÉM™ èð%ṇ ªèÉœ«ðÉK ; Mðó <
- zÿÁðÉM ; «ṭÉ, èfèœ
- M÷ ,èñO, è ÜFèÉKèœ «ṭ-ṭ
- Hø àF~ðÉ~š¹èœ

Kumpulan Cemerlang

Calon-calon dalam kumpulan ini menulis surat rasmi dengan format yang betul. Calon menghuraikannya dengan jelas, ringkas dan padat. Tiada kesalahan nahu dan tanda bacaan.

Kumpulan Sederhana

Calon-calon dalam kumpulan ini masih dapat menulis surat rasmi dengan format yang betul. Calon-calon tidak mahir dalam mengembangkan isi seperti kehendak soalan. Terdapat kesalahan bahasa, nahu dan tanda bacaan dalam penulisan calon.

Kumpulan Lemah

Calon dalam kumpulan lemah tidak dapat membezakan format antara surat rasmi dengan surat tidak rasmi. Calon - calon menghadapi kesukaran dalam mengembangkan isi seperti kehendak soalan. Calon membuat banyak kesalahan seperti struktur ayat, ejaan dan tatabahasa.

Soalan 2 (ii)

ððð~ṭ ṭñÉÿP à¿ṇ < èṭ~ṭó

Tukarkan dialog kepada bentuk karangan huraian.

Kumpulan Cemerlang

Calon-calon yang dapat markah yang tinggi dalam bahagian A tetapi tidak dapat menjawab bahagian B dengan sempurna. kumpulan ini menghadapi masalah dalam menukarkan ayat cakap ajuk kepada bentuk huraian. Calon dalam kumpulan ini kurang memahami kata ganti nama diri pertama, kedua dan ketiga. Calon juga menghadapi masalah dalam menghuraikan isi dengan menggunakan kata hubung. Calon tidak menggunakan perkataan khusus yang menunjukkan perasaan watak yang terdapat dalam dialog.

